

SULIT
1249/1
SEJARAH
KERTAS 1
NOVEMBER
2002
1 JAM

1249/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002

TINGKATAN EMPAT

SEJARAH

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Tiap-tiap soalan diikuti oleh *empat* pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan dengan kertas jawapan objektif anda.

1. Orang Paleolitik mengukir gambar-gambar berburu pada dinding tempat mereka berteduh kerana
 - A. takut dan curiga terhadap kuasa ghaib
 - B. mempercayai semangat atau tuhan yang mengawal alam semesta
 - C. menganggap kuasa ghaib boleh menolong mereka sewaktu berburu
 - D. mententeramkan semangat yang dikaitkan dengan kegiatan mereka

2. Apakah yang cuba digambarkan oleh penulis dalam epik Gilgamesh dalam Tamadun Mesopotamia ?
 - I Ajaran agama
 - II Corak kehidupan
 - III Keperwiraan bangsanya
 - IV Organisasi pentadbiran yang teratur
 - A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

3. Bukti bandar Mohenjo Daro sebuah bandar yang terancang ialah
 - I terdapat rumah ibadat
 - II terdapat dewan persidangan pemimpin
 - III terdapat petak-petak kawasan perumahan
 - IV terdapat sistem pembentungan bawah tanah
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

- Iskandariah
 - Antioch


4. Kepentingan kedua-dua bandar di atas dalam Tamadun Yunani ialah
 - A. pusat perdagangan antarabangsa
 - B. pusat penyebaran agama Kristian
 - C. pusat perkembangan bahasa Latin
 - D. pusat penyebaran kebudayaan Hellenistik

Kerajaan Rom amat prihatin dengan taraf kesihatan rakyatnya

5. Bukti kepada pernyataan di atas ialah
- A. pembinaan sistem penyaliran yang baik
 - B. pembinaan tempat-tempat mandi awam
 - C. pembinaan kolam renang dan taman bunga
 - D. kanak-kanak diwajibkan mengikuti kelas olahraga
6. Apakah yang disarankan oleh falsafah Legalisme sewaktu Dinasti Chin di China?
- A. Raja perlu berkuasa mutlak dan disokong oleh tentera yang kuat
 - B. Pendeta menjalankan peranan sebagai raja pendeta dan mengendalikan kerajaan
 - C. Calon pegawai dalam perkhidmatan kerajaan hendaklah dipilih melalui peperiksaan
 - D. Pemerintahan berteraskan undang-undang lebih baik daripada pemerintahan melalui teladan

Mencapai Nirvana atau Moksha adalah matlamat seseorang penganut Hindu

7. Cara untuk mencapai matlamat di atas ialah
- A. mendekati diri dengan Tuhan
 - B. sentiasa taat kepada suruhan agama
 - C. mengelakkan diri daripada kesengsaraan
 - D. membuat kebaikan kepada segala makhluk di dunia



8. Keadaan di atas berlaku kerana
- A. ingin memperlihatkan kekuatan tentera
 - B. usaha untuk menguasai bidang ekonomi
 - C. terlalu mementingkan fahaman asabiyah
 - D. wujudnya persaingan untuk menguasai wilayah


9. Nabi Muhammad s.a.w. merupakan negarawan yang bijak dan berkebolehan. Antara kejayaan Baginda sebagai pemimpin ialah
- I membentuk akidah orang Islam
 - II mengalahkan tentera Rom dan Parsi
 - III mewujudkan sebuah masyarakat berilmu
 - IV melahirkan masyarakat Islam yang bertakwa
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV
10. Sumbangan Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. kepada masyarakat Arab ialah
- I menghapuskan golongan murtad
 - II mengumpulkan ayat-ayat al-Quran
 - III mewujudkan kalendar Islam berdasarkan tahun hijrah
 - IV menubuhkan sebuah badan mengendalikan tanah tidak bertuan
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

Pemecatan Khalid al-Walid sebagai panglima tentera oleh Khalifah Umar bin al-Khattab r.a.

11. Tujuan Umar al-Khattab bertindak demikian ialah
- A. membolehkan perluasan kuasa Islam
 - B. memastikan tiada penentangan terhadap perlantikannya
 - C. mengekalkan perpaduan di kalangan tentera Islam di Iraq
 - D. memberi peluang kepada golongan muda dalam pentadbiran

- Masjid Cardova
- Istana Al Hambra di Granada

12. Apakah keunikan kedua-dua seni bina bangunan ini?
- A. Mempengaruhi seni bina menara loceng di Itali
 - B. Membuktikan seni bina barat diterima orang Islam
 - C. Mempamerkan pengaruh seni bina Rom dan Yunani
 - D. Menunjukkan kemahiran orang Islam dalam seni ukir dan khat



13. Mengapakah al-Kindi dianggap sedemikian?
- I Kebolehannya menguasai falsafah Yunani
 - II Kebijaksanaannya memperbaiki falsafah Yunani
 - III Kesungguhannya untuk memisahkan politik dan falsafah
 - IV Mengharmonikan falsafah Islam dengan paduan wahyu dan akal
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

“Agama Islam telah berkembang di pesisir pantai negara China contohnya di Canton dan Hainan. Justeru itu, berkemungkinan Islam yang datang di Asia Tenggara melalui China”

14. Apakah bukti untuk menyokong pendapat di atas?
- A. Ramai orang Islam dari China melarikan diri ke Asia Tenggara akibat perang
 - B. Penemuan batu nisan di Asia Tenggara yang menyerupai batu nisan di China
 - C. Terdapatnya perkampungan orang Islam yang ditemui di barat dan timur Sumatera
 - D. Penemuan Batu Bersurat di Terengganu yang terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu
15. Kedatangan Islam ke Asia Tenggara meninggalkan kesan kepada masyarakat Melayu. Antara berikut, apakah kesan tersebut?
- I Penggunaan tulisan Jawi
 - II Kemunculan sekolah pondok
 - III Wujudnya institusi kesultanan
 - IV Terhapusnya segala amalan tradisi
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV
16. Apakah asas kekuatan seseorang bangsawan dalam masyarakat feodal di Eropah ?
- A. Perkongsian kuasa dengan raja
 - B. Kesetiaannya kepada pemimpin
 - C. Kekuasaannya ke atas sesuatu wilayah
 - D. Pemilikan harta kekayaan secara paksa

Sekali imbas terdapat persamaan antara sistem feodal di Eropah dengan cara hidup masyarakat tradisional di Malaysia.

17. Apakah persamaan yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?

- I Kongkongan pihak agama
 - II Penekanan ajaran duniawi dalam agama
 - III Pengamalan sistem serah dan kerah
 - IV Kesetiaan golongan diperintah kepada pemerintah
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

Kita tidak perlu lagi hidup seperti zaman feodal dan perlu membebaskan diri dari golongan tuan tanah.

Serf

18. Apakah pekerjaan baru golongan serf ini?

- I Petani bebas
 - II Buruh upahan
 - III Askar kerahan
 - IV Penyewa tanah
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV


Penganut Katolik : Calvinisme menggugat mazhab kita.
Peniaga : Walau bagaimanapun ajaran Calvinisme dapat membantu perkembangan ekonomi

19. Mengapakah golongan peniaga menyokong Calvinisme ?


- A. Calvinisme membenarkan amalan riba
- B. Calvinisme menolak konsep kebendaan
- C. Calvinisme menggunakan pendekatan rasional
- D. Calvinisme menganjurkan konsep kemasyarakatan

GOLD, GLORY, GOSPEL

20. Ungkapan ini merupakan propaganda penjelajah Barat pada kurun ke-15. Mengapakah mereka mengutamakan perjuangan untuk keagamaan ?
- A. Pernah dikuasai oleh Islam
 - B. Taksuf kepada ajaran Kristian
 - C. Mencari kerajaan Prester John
 - D. Bercita-cita memonopoli perdagangan




21. Tokoh X di atas ialah
- A. Ratu Isabela
 - B. Putera Henry
 - C. Ratu Elizabeth I
 - D. Ferdinand Magellan



22. Kenapa rakyat Filipina bertindak sedemikian?
- I Pemimpin tempatan hilang kuasa
 - II Sistem buruh paksa yang menyeksakan
 - III Pelaksanaan cukai yang membebankan
 - IV Sistem Tanaman Paksa yang diperkenalkan
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

23. Apakah kesan wujudnya Akta Pemagaran Tanah kepada petani di Britain?
- A. Bermulanya pemilikan tanah lebih luas kepada petani
 - B. Bermulanya kenaikan harga tanah pertanian di Britain
 - C. Bermulanya penjualan tanah petani kepada golongan kaya
 - D. Bermulanya pemberontakan petani terhadap tuan-tuan tanah
24. Revolusi Pertanian telah memberi sumbangan yang penting kepada pencetus Revolusi Perindustrian di Britain.
Manakah antara berikut merupakan sumbangan Revolusi Pertanian?
- I Rakyat Britain bersikap positif menerima idea baru
 - II Sebagai modal untuk membangunkan perindustrian
 - III Rakyat Britain berhijrah ke bandar dan menjadi buruh
 - IV Sebagai pemangkin untuk membina sistem perhubungan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
25. Apakah peranan institusi bank dalam perkembangan Revolusi Perusahaan di Eropah?.
- I Memberi pinjaman modal kepada usahawan
 - II Memberi sokongan khidmat nasihat dan tunjuk ajar
 - III Menubuhkan syarikat untuk usahawan baru di tanah jajahan
 - IV Memindahkan modal daripada sektor perindustrian ke sektor lain
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV




26. Rajah di atas menunjukkan perkaitan di antara James II dan Bill Of Rights.
Antara berikut, pernyataan manakah yang tepat menggambarkan perkaitan di atas?
- A. Bill of Rights berjaya menegakkan kekuasaan Raja James II
 - B. Bill of Rights digubal kesan daripada tindakan Raja James II
 - C. Bill of Rights diluluskan semasa pemerintahan Raja James II
 - D. Bill of Rights membolehkan Mary II menggantikan Raja James II

27. Apakah kandungan dalam Akta Kilang 1833 yang memberi perlindungan kepada kanak-kanak?
- A. Kanak-kanak bawah sembilan tahun dilarang bekerja
 - B. Kanak-kanak berhak mendapat perlindungan insurans
 - C. Kanak-kanak dibenarkan bekerja selepas waktu sekolah
 - D. Kanak-kanak yang bekerja boleh menyertai kesatuan sekerja



28. Slogan di atas dilaungkan semasa Revolusi Perancis. Golongan manakah yang telah menggunakan slogan di atas?
- A. Golongan sosialisme
 - B. Golongan liberalisme
 - C. Golongan revolusioner
 - D. Golongan nasionalisme
29. Mengapakah kuasa-kuasa imperialis Barat berusaha mencari tanah jajahan di luar Eropah?
- I Untuk kepentingan ekonomi
 - II Untuk menaikkan imej negara
 - III Untuk memajukan negara-negara yang mundur
 - IV Untuk mengamankan negara-negara yang kucar-kacir
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
30. Mengapakah pembinaan Terusan Suez (1869) dikatakan sebagai satu peristiwa penting dalam hubungan di antara barat dan dunia timur?
- A. Pengurangan kos dan jarak perjalanan
 - B. Bermulanya pembebasan negara-negara kecil
 - C. Berkembangnya perjuangan menuntut kemerdekaan
 - D. Singapura akan dinaik taraf menjadi pelabuhan antarabangsa
31. Perancis menjadikan faktor agama sebagai alasan untuk campur tangan di Vietnam. Apakah faktor lain di sebalik alasan di atas?
- A. Untuk menguasai Kampuchea
 - B. Untuk menyaingi kuasa British di Burma
 - C. Untuk memonopoli perdagangan di Vietnam
 - D. Untuk menjalinkan hubungan perdagangan dengan China melalui Tonkin



32. Rajah di atas menunjukkan antara perkembangan yang berlaku di Asia Tenggara pada zaman penjajahan Barat. Apakah kesan perkembangan ekonomi moden terhadap petani tempatan?

- I Mereka hidup miskin
- II Mereka terpaksa berhutang
- III Mereka hilang tanah pertanian
- IV Mereka terpaksa meninggalkan kegiatan sara diri

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

- Dipo Negoro
- Saya San
- Tok Janggut

33. Tokoh-tokoh di atas merupakan pemimpin tempatan yang mengetuai pemberontakan menentang kuasa imperialis Barat.

Mengapakah penentangan mereka menghadapi kegagalan ?

- A. Mereka tidak berpendidikan
- B. Mereka menentang secara berasingan
- C. Mereka tidak mempunyai pengalaman
- D. Mereka tidak mendapat sokongan penduduk setempat

34. Apakah ciri-ciri persamaan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara pada tahap awal?

- A. Gerakan bercorak radikal
- B. Dipelopori oleh golongan diraja
- C. Pemimpin perjuangan adalah berhaluan kiri
- D. Pemimpin adalah berpendidikan Barat dan Timur Tengah

35. Pada awal kurun ke-20 gerakan nasionalisme telah muncul dan berkembang di beberapa negara di Asia Tenggara.

Apakah matlamat perjuangan para nasionalis ketika itu?

- A. Memerdekakan negara dari belunggu penjajah
- B. Memperbaiki keadaan sosio-ekonomi peribumi
- C. Menyatupadukan penduduk yang berbilang bangsa
- D. Mewujudkan sebuah negara berasaskan satu bangsa

36. Nasionalisme Thai adalah berbeza daripada nasionalisme negara-negara lain di Asia Tenggara. Apakah perbezaan itu?
- I Bekerjasama dengan pemerintah
 - II Menentang kuasa mutlak raja
 - III Mempertahankan kebudayaan Thai
 - IV Menentang monopoli ekonomi oleh Barat
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

1865 - Jabatan Antarabangsa bagi hal-ehwal telegraf
1875 - Kesatuan Pos Sedunia
1878 - Pertubuhan Kajiucua Antarabangsa

37. Mengapakah pertubuhan di atas ditubuhkan ?
- A. Mengeratkan hubungan ahli
 - B. Melambangkan kemajuan dunia moden
 - C. Memudahkan kerjasama dalam bidang ekonomi
 - D. Menjayakan projek besar di peringkat dunia
38. Itali memihak Pakatan Bertiga dalam Perang Dunia Pertama tetapi telah keluar dari pakatan tersebut dan bersekutu dengan Jerman dalam Perang Dunia Kedua. Apakah yang menyebabkan Itali mengubah pendiriannya?
- A. Jerman dianggap sebagai kuasa unggul
 - B. Diterajui oleh pemimpin berhaluan kanan
 - C. Mempunyai angkatan bersenjata yang mantap
 - D. Kecewa kerana tidak diberi tanah jajahan baru
39. Deklarasi Langkawi yang diisytiharkan dalam mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur berkaitan dengan
- A. Isu alam sekitar
 - B. Penubuhan G 15
 - C. Tabung Ekuiti Komanwel
 - D. Dasar apartheid di Afrika Selatan
40. MAPHILINDO ditubuhkan pada tahun 1963 bagi memupuk kerjasama politik dan sosio-ekonomi di antara Malaysia, Filipina dan Indonesia. Mengapakah pertubuhan tersebut gagal mencapai matlamatnya?
- A. Tentangan Indonesia terhadap penubuhan Malaysia
 - B. Perbalahan antara Indonesia dengan Filipina ke atas Irian Barat
 - C. Pendirian yang berbeza terhadap pencerobohan Vietnam di Kemboja
 - D. Perbalahan antara negara anggota mengenai projek-projek perindustrian